

Lebih 60 maut ditimbus tanah

Berita Harian Pilih 03/01/2010 MIS 20
Banjir lumpur landa tiga negeri, kawasan peranginan terkenal di Brazil

RIO DE JANEIRO: Pekerja penyelamat meningkatkan usaha mencari mangsa di kawasan peranginan mewah di pesisir pantai Brazil yang tertimbus tanah runtuh dan banjir lumpur menyebabkan sekurang-kurangnya 64 orang terbunuh di tiga negeri.

Pihak berkuasa berkata anggota bomba terpaksa meredah lumpur dan rumah yang tertimbus awal pagi kelmarin, apabila bahagian tepi bukit di pusat peranginan tepi pantai Angra dos Reis runtuh. Mereka berjaya mengeluarkan 35 mayat.


Angra dos Reis, Ilha Grande dan beberapa bandar di selatan pantai Rio de Janeiro adalah pusat tarikan pelancong dalam dan luar negara ketika sambutan Tahun Baru.

Hujan lebat turut menyebabkan beberapa bandaraya di Sao Paolo terpaksa bergelap berikutan bekalan elektrik terputus manakala enam pelancong terbunuh akibat tanah runtuh di bandar Cunha.

Sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh akibat banjir lumpur di Juiz de Fora, sebuah bandar di negeri Minas Gerais.

Pihak berkuasa berkata angka kematian di negeri Rio de Janeiro meningkat kepada 55 orang.

"Keadaan cuaca semakin baik dan ini membantu memudahkan kami meneruskan usaha mencari tetapi



BANJIR lumpur meranapkan kediaman dan rumah tumpangan mewah pantai peranginan di Ilha Grande dekat Rio de Janeiro, kelmarin.


kami tidak akan berhenti sehingga kami yakin tidak ada lagi mangsa yang tertimbus di bawah timbunan lumpur dan tanah," kata pegawai kanan bomba Kolonel Jerri Andrade yang memantau kerja mencari dan menyelamat.

Stesen televisen menyiarkan rakaman gambar rumah tumpangan Sankay dan rumah di sekitar Angra tertimbus di bawah timbunan lumpur bukit berwarna kemerahan.

Usaha memasuki kawasan kejadian dikenali Praia do Bananal sukar dilakukan berikutan jalan dan pantai dilitupi lumpur dan pokok tumbang akibat cerun bukit yang runtuh.

Rumah tumpangan itu yang boleh menempatkan 50 penghuni dilaporkan penuh ketika kejadian.

Akhbar O Estado de S. Paulo melaporkan antara yang terbunuh termasuk anak perempuan pemilik ru-



ANGGOTA penyelamat mencari mangsa banjir lumpur di pantai Praia do Bananal dekat Rio de Janeiro.

mah tumpangan itu berusia 18 tahun.

Setakat ini tiada laporan kematian dikalangan pelancong warga asing.

Andrade berkata hujan berhenti pada awal pagi

membolehkan pasukan penyelamat dibantu helikopter dan kapal tentera laut tiba di lokasi kejadian untuk mengeluarkan lebih banyak mayat.

Jabatan kaji cuaca bagaimanapun meramalkan hujan

lebat dijangka turun beberapa hari lagi, walaupun cuaca cerah semalam dan ini bakal menyukarkan kerja mencari manakala lebih kejadian tanah runtuh mungkin berlaku. - Reuters

FAKTA NOMBOR

55

terkorban

Di negeri Rio de Janeiro